

11H9M

SPAIN + PORTUGAL + MOROCCO

TOUR CODE:
WMC09-QR

HARI 01 KUALA LUMPUR - DOHA - MADRID MM

Berkumpul di KLIA 1 untuk menaiki penerbangan ke Madrid.
Bermalam di Madrid.

HARI 02 MADRID SP/MT/MM

Lawatan di Madrid:

- **Gran Via:** Jalan utama di Madrid yang digelar "Spanish Broadway" ini juga adalah salah satu kawasan membeli-belah terpenting di bandar Madrid.
- **Cibeles Fountain:** Arca dan senibina air pancut yang terletak di tengah-tengah Plaza de Cibeles yang menjadi salah satu ikon di tengah bandar Madrid.
- **Neptune Fountain:** Sebuah air pancur yang terletak di tengah bandar Madrid yang mewakili Neptunus iaitu dewa air Rom.
- Masa bebas untuk bersiar-siar dan membeli-belah di **Puerta del Sol** dan **Plaza Mayor** yang berdekatan dengan istana rasmi kediaman raja Sepanyol, Royal Palace.
- Bersolat di **Madrid Central Mosque** yang juga merupakan Pusat Islam di Madrid dan juga ibu pejabat komuniti Islam Sepanyol dibina pada 1988.
- Membeli-belah barangan berjenama seperti Armani, Coach, Ralph Lauren yang menawarkan diskaun sehingga 60% di **Las Rozas Village Outlet**.

Bermalam di Madrid.

HARI 03 MADRID - TOLEDO - MERIDA - LISBON SP/MT/MM

Lawatan di Toledo:

- **Puerta de Bisagra:** Pintu gerbang bandar Toledo yang dibina pada abad ke-10 pada zaman Taifa Moor Toledo di Al-Andalus Islam.
- **Mosque of Cristo de la Luz:** Masjid bersejarah yang dibina pada tahun 999 semasa pemerintahan Moorish sebelum ditukarkan menjadi gereja.
- **Alcantara Bridge:** Jambatan yang dibina oleh Rom pada zaman pertengahan merentasi Tanguis River.
- Masa bebas di **Plaza de Zocodover** untuk membeli-belah cenderamata atau bersia-siar.

Lawatan di Merida:

- **Temple of Diana:** Binaan zaman ancient Rom yang masih kukuh sehingga ke hari ini dengan 18 tiang column yang tinggi di keliling temple ini.
- **Porch of The Forum:** Merupakan sebuah kawasan forum zaman Rom yang dibina pada abad pertama lagi dan tiang-tiang forum masih lagi kekal berdiri.
- **The Alcazaba:** Asalnya merupakan kota pertahanan Moorish yang pertama di Spain, dibina oleh Abd ar-Rahman II pada tahun 855.
- **Arch of Trajan:** Pintu gerbang setinggi 15m binaan zaman ancient Rom.

Bermalam di Lisbon.

HARI 04 LISBON SP/MT/MM

Lawatan di Lisbon:

- **Jeronimos Monastery:** Biara besar yang sangat cantik dengan senibina yang menakjubkan.
- **Belem Tower:** Monumen yang didirikan sebagai pintu masuk ke kota Lisbon dan sebagai pertahanan terhadap sebarang ancaman dan pencerobohan.
- **Monument of the Discoveries:** Tugu peringatan yang dibina sempena mengingati kapal pertama yang berlayar ke Lautan Hindi untuk memulakan perdagangan dengan India dan negara serantau lain pada abad ke-15.
- Bersolat di **Central Mosque of Lisbon** yang merupakan masjid ketiga terbesar di Eropah dibina pada 1985.
- Masa bebas untuk bersiar-siar dan membeli-belah di **Rossio Square**, **Praca do Comercio** dan **Freeport Fashion Outlet**.

Bermalam di Lisbon.

HARI 05 LISBON - SEVILLE SP/MT/MM

- **Torre del Oro:** Menara tinjau yang terletak di tepi sungai tengah kota Sevilla setinggi 36m yang dibina pada 1220 oleh kerajaan Islam Almohad.
- **Plaza de Espana:** Bangunan yang sangat menarik reka bentuknya yang terletak di dalam kawasan Maria Luisa Park dan terdapat kolam air pancur besar di tengahnya serta lukisan sepanjang tembok yang menceritakan sejarah kegemilangan Sepanyol dan pernah menjadi lokasi penggambaran filem Star Wars.
- **Giralda Tower:** Asalnya merupakan menara masjid besar Seville pada zaman pemerintahan Islam tetapi sebahagian besar masjid ini telah dimusnahkan dan hanya menara ini yang terselamat.
- **Royal Alcazar of Seville:** Istana ini asalnya dibina ketika zaman pemerintahan Islam pada abad ke-10 dan menjadi pusat pemerintahan kerajaan Islam Seville sehingga tahun 1248 setelah kerajaan Castilla menakluk Seville.

Bermalam di Seville.

HARI 06 SEVILLE - CORDOBA - GRANADA SP/MT/MM

Lawatan di Cordoba:

- **Mosque-Cathedral of Cordoba:** Masjid yang dikira antara yang terbesar di Eropah ini telah diubah suai menjadi gereja setelah kejatuhan empayar islam. Antara kesan masjid yang masih boleh dilihat termasuklah ukiran ayat suci Al-Quran di dinding masjid, tiang, menara dan mihrab.
- **Roman Bridge:** Jambatan zaman Rom yang menakjubkan di kota ini dibina pada abad pertama dan merentasi Guadalquivir River sepanjang 331m.
- **Calahorra Tower:** Menara yang dibina ketika pemerintahan kerajaan Islam Almohad untuk mengawal laluan keluar masuk kota Cordoba.

Bermalam di Granada.

HARI
07 GRANADA - TARIFA - SP/MT/MM
TANGIER

Lawatan di **Granada**:

- **Alhambra Palace**: Mercu tanda utama di Granada dan menjadi bukti kebesaran pemerintahan Islam di Spain ratusan tahun dahulu. Asalnya dibina pada kurun ke-9 sebagai kubu pertahanan dan ditukar menjadi sebuah istana pada kurun ke-11. Binaan istana juga dipenuhi dengan ukiran khat ayat-ayat suci Al-Quran, air pancut yang dikelilingi ukiran singa dan taman bunga yang menawan.
- **The Generalife**: Istana rehat musim panas yang dibina pada kurun ke-13 oleh keluarga diraja Nasrid dengan kolam, patio dan taman bunga yang sungguh menakjubkan.
- **Albayzin Muslim Quarters**: Kawasan penempatan yang masih banyak mengekalkan senibina Islam ini merupakan kawasan yang tertua di kota ini sejak dari kurun ke-11 lagi. Antara yang masih boleh dilihat ialah tembok kota, pintu gerbang Puerta Monaita, menara Almohad yang kini sebahagian dari gereja San Juan dan juga rumah-rumah binaan kurun ke-14.
- **Grand Mosque of Granada**: Siap dibina pada tahun 2003, masjid ini menawarkan lokasi paling menarik untuk mengambil foto panorama Alhambra Palace yang terletak di seberang bukit masjid ini.

Menaiki feri dari Tarifa merentasi Selat Gibraltar menuju ke Tangier.

Bermalam di **Tangier**.



Kasbah Udayas

HARI
08 TANGIER - SP/MT/MM
RABAT

Lawatan di **Rabat**:

- **Kasbah of the Udayas**: Kota yang dbina pada abad ke-11 ini menempatkan kompleks istana, pentadbiran dan taman zaman Andalusia merupakan tarikan utama di Rabat dan juga menawarkan pemandangan panorama Lautan Atlantik.
- **Hassan Tower**: Menara ini asalnya merupakan sebahagian dari projek pembinaan salah satu masjid terbesar dunia tetapi tergendala pada tahun 1150 selepas kemangkatan raja.
- **Mausoleum of Mohamed V**: Makam raja Morocco yang dibina pada tahun 1971 dengan rekaan yang cukup gah dan artistik mengikut senibina tradisional Morocco.
- **Royal Palace**: Istana rasmi kediaman raja Morocco yang dibina sejak 1864 dikenali dengan nama Dar Al-Makhzen dan pintu masuk utamanya menjadi lokasi tumpuan untuk pelancong berfoto.

Bermalam di **Rabat**.



Arch of Trajan

HARI
09 RABAT - SP/MT
MARRAKESH

Lawatan di **Marrakesh**:

- **Jemaa el-Fnaa**: Dataran yang menampilkan pelbagai tarikan tradisi negara ini yang sangat luar biasa terutamanya pasar malam di mana terdapat pelbagai gerai menjual pelbagai jenis makanan, persembahan jalanan, pertunjukan akrobatik dan juga terdapat kawasan bazaar (dipanggil Medina) yang menjual jubah, tudung dan rempah-ratus.
- **Bahia Palace**: Istana kediaman pemerintah kota ini yang dibina pada tahun 1900 dengan ukiran, perhiasan dan dekorasi yang cukup cantik berseni dan laman yang indah.
- **Koutoubia Mosque**: Masjid yang penuh bersejarah ini dibina pada tahun 1158 dengan menara setinggi 77m dan binaannya menjadi sumber inspirasi kepada Giralda Tower di Seville dan Hassan Tower di Rabat.

Bermalam di **Marrakesh**.

HARI
10 MARRAKESH - CASABLANCA -
KUALA LUMPUR

Lawatan di **Casablanca**:

- **Hassan II Mosque**: Masjid ke-7 terbesar di dunia yang mampu memuatkan 105,000 jemaah dengan menara masjidnya 210m yang ke-2 tertinggi di dunia.

Bertolak pulang ke Kuala Lumpur (transit di Doha).

HARI
11 KUALA LUMPUR

Tiba di Terminal KLIA 1.



Royal Palace Madrid

TOUR HIGHLIGHTS

1

ALHAMBRA PALACE

MERCU TANDA UTAMA DI GRANADA DAN MENJADI BUKTI KEBESARAN PEMERINTAHAN ISLAM DI SPAIN RATUSAN TAHUN DAHULU. ASALNYA DIBINA PADA KURUN KE-9 SEBAGAI KUBU PERTAHANAN DAN DITUKAR MENJADI SEBUAH ISTANA PADA KURUN KE-11.

2

CORDOBA MOSQUE

MASJID YANG DIKIRA ANTARA YANG TERBESAR DI EROPAH INI TELAH DIUBAH SUAI MENJADI GEREJA SETELAH KEJATUHAN EMPAYAR ISLAM. ANTARA KESAN MASJID YANG MASIH BOLEH DILIHAT TERMASUKLAH UKIRAN AYAT SUCI AL-QURAN DI DINDING MASJID, TIANG, MENARA DAN MIHRAB.

3

MASJID HASSAN II

MASJID KE-7 TERBESAR DI DUNIA YANG MAMPU MEMUATKAN 105,000 JEMAAH DENGAN MENARA MASJIDNYA 210M YANG KE-2 TERTINGGI DI DUNIA.

4

BAHIA PALACE

BERFOTO DI PLIVA WATERFALL YANG SETINGGI 27M DAN WATERMILLS OPEN AIR MUSEUM YANG CUKUP UNIK DENGAN BINAAN 20 BUAH RUMAH KINCIR AIR KAYU DI ATAS PLIVA RIVER DI JAJCE.



Musim Panas:
Jun - Sept



Musim Sejuk:
Disember - Mac



Musim Luruh:
Okt - November



Musim Bunga:
April - Mei



Spain & Portugal
Euro EUR1



Malaysia Ringgit
MYR 4.90



Morocco Dirham
MAD 1



Malaysia Ringgit
MYR 0.45



PERBEZAAN WAKTU
Malaysia: GMT +8

Spain: GMT+2
Portugal & : GMT+1



Hotel Penginapan

4 * Hotel

BANDAR	HOTEL/SETARAF	BIL. MALAM
Madrid	Monte Rozas Hotel	2 Mlm
Lisbon	Campanile Hotel	2 Mlm
Seville	B&B Ecija Hotel	1 mlm
Granada	Manzanil Hotel	1 Mlm
Tangier	Tangier Med Hotel	1 Mlm
Rabat	Onomo Medina Hotel	1 Mlm
Marrakesh	Ayoub & Spa Hotel	1 Mlm

Jadual Penerbangan



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	QR 845	KUL - DOH	0950	1230
1	QR 151	DOH / MAD	1420	1955
10	QR1398	CMN / DOH	1600	0100+1
11	QR 852	DOH / KUL	0305	1535

Harga Pakej Termasuk

1. Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcay minyak dan cukai penerbangan.
2. Penginapan hotel bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
3. Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
4. Tiket masuk ke tempat lawatan: Alhambra Palace, The Generalife dan Grand Mosque of Granada.
5. Pengangkutan feri dari Tangier ke Tarifa.
6. Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
7. Perkhidmatan tour leader dan tour guide yang terlatih professional.
8. Tip untuk tour guide dan pemandu bas persiaran.

Harga Pakej Tak Termasuk

1. Travel & Covid-19 Insurans – Rujuk Agen berdekatan untuk pembelian premium insurans yang sesuai
2. Surcay tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
3. Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
4. Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
5. Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
6. Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.